

13/06/2002

Pegawai Swiss jadi saksi (HL)

Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Beberapa pegawai bank di Switzerland akan tampil memberi keterangan bagi membantu siasatan kes penyelewengan Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja) membabitkan wang bernilai RM76.4 juta.

Persetujuan untuk mengemukakan mereka sebagai saksi penting itu diperoleh dalam perbincangan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dengan Pejabat Kehakiman Persekutuan (FOJ) di Zurich, hari ini.

Perkembangan terbaru itu dijangka membantu BPR menyelesaikan siasatan kes berkenaan, yang mula difailkan sejak 1996 selepas laporan mengenainya diterima pada 1980.

Pengarah Siasatan BPR, Datuk Nordin Ismail, yang berada di ibu kota Switzerland itu ketika dihubungi dari sini, berkata pihaknya, dengan kerjasama FOJ sedang meneliti semua dokumen bank berkaitan Perwaja.

"Ini bertujuan mengesan wang berjumlah RM76.4 juta yang dipercayai disimpan dalam akaun bank di negara ini dan mengesahkan kewujudan jumlah aset syarikat berkenaan.

"Selain itu, BPR akan mendapatkan pengesahan pihak Switzerland supaya mengemukakan saksi untuk memberi keterangan dan maklumat berkaitan kes Perwaja," katanya.

Perbincangan BPR dengan pihak Switzerland diketuai Timbalan Ketua Pengarah (1) BPR, Datuk Mohd Zawawi Mohd Nordin. Selain Nordin, beberapa pegawai kanan BPR turut menyertai perbincangan dan penelitian itu.

BPR sebelum ini dikatakan menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat berhubung deposit wang yang disyaki diperoleh secara tidak sah kerana Switzerland mempunyai undang-undang rahsia perbankan yang ketat.

Bagaimanapun, lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu membawa perkembangan positif terhadap siasatan kes Perwaja apabila pihak berkuasa Switzerland memberi kelonggaran dalam kes tertentu jika ia membabitkan kegiatan jenayah dan rasuah.

Isu Perwaja terbongkar selepas syarikat audit, Coopers and Lybrand mengeluarkan laporan mengenai ketidakupayaan syarikat pengeluar besi keluli itu membayar hutang.

BPR turut mengesahkan wang berjumlah RM76.4 juta dibayar oleh Perwaja kepada tiga pihak asing membabitkan dua syarikat Jepun dan sebuah firma perunding.

Selain itu, BPR mengesan wang berkenaan dimasukkan ke akaun sebuah syarikat berdaftar di British Virgin Island selepas dikeluarkan dari negara ini ke Hong Kong, Jepun dan ke dalam akaun bank di Switzerland.

Perwaja menanggung beban hutang dan kerugian RM10 bilion, membabitkan tanggungan semasa berjumlah RM926 juta, tanggungan jangka panjang sebanyak RM6.013 bilion, manakala kerugian terkumpul pula berjumlah RM2.985 bilion sebelum diswastakan kepada Maju Holdings Sdn Bhd yang kini menguasai 51 peratus ekuiti dalam Perwaja Terengganu Sdn Bhd.

Nordin berkata, penggubalan Rang Undang-Undang Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2000 yang diluluskan di Dewan Rakyat April lalu membolehkan BPR membawa rakyat asing ke negara ini untuk memberi keterangan.

"Peruntukan itu membenarkan kerjasama secara formal antara kerajaan dengan kerajaan berhubung semua jenis jenayah," katanya.

(END)